

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) apakah benar bahawa jumlah rizab negara telah berkurangan dan apakah sebab-sebabnya; dan
- (b) apakah cara-cara yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras rizab telah mula mengalami

penurunan secara beransur sejak Januari 2014 (RM436.0 bilion atau USD133.1 bilion), sehingga mencecah paras terendah kepada RM357.7 bilion atau USD94.7 bilion pada 28 Ogos 2015. Walau bagaimanapun, trend rizab antarabangsa negara kembali meningkat berjumlah RM415.1 bilion atau USD93.3 bilion pada 30 September 2015, mencukupi untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Penurunan rizab ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk:

- i. prestasi perdagangan, terutamanya penerimaan daripada eksport komoditi yang rendah serta ketibaan pelancong yang perlahan telah mengurangkan surplus dalam imbalan akaun semasa; dan
- ii. aliran keluar pelaburan portfolio berikutan pengukuhan dolar Amerika Syarikat, jangkaan kenaikan kadar faedah oleh US Federal Reserve dan keimbangan terhadap perkembangan ekonomi China yang semakin perlahan serta kesan kejatuhan harga komoditi global.

3. Walau bagaimanapun, pasaran modal yang mendalam dan kumpulan pelabur institusi kewangan tempatan yang besar, seperti Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja, syarikat insuran dan pengurusan dana akan berupaya mengurangkan kesan volatiliti aliran kewangan. Selain itu, pengawasan dan pemantauan yang berterusan oleh Bank Negara Malaysia turut menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara dan serantau.

4. Dalam menangani cabaran ekonomi global termasuk perdagangan dan pelaburan yang tidak menentu yang turut memberi impak kepada pergerakan matawang ringgit, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan keyakinan pelabur termasuk penubuhan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE). Pada 14 September 2015, JKE telah mengumumkan beberapa inisiatif termasuk:

- i. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat swasta Malaysia telah digesa untuk menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara dan seterusnya melabur ke atas projek di dalam negeri yang mempunyai nilai pengganda tinggi.
- ii. mengaktifkan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion untuk menyokong aktiviti perniagaan.
- iii. membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui peningkatan

Skim Jaminan Modal Kerja; pengecualian duti import akan diberi ke atas 90 item; penstrukturkan dan menjadualkan semula pinjaman perniagaan; serta peruntukan tambahan bagi Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF).

iv. menggalakkan sektor pelancongan termasuk peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta dan pengecualian visa kepada pelancong China.

5. Dengan langkah-langkah yang dinyatakan di atas, serta strategi dan inisiatif Bajet 2016 yang dibentangkan pada 23 Oktober 2015. Kerajaan yakin kedudukan rizab and ekonomi akan terus kukuh. Sehubungan itu, Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi semasa dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperkuatkan kedudukan imbangan pembayaran negara di samping dapat meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negara untuk terus cergas.